

Kedinamikan Bahasa Melayu di Ambang Perkembangan Media dalam Talian dari Perspektif Perubahan Makna

An Analysis of the Dynamic of Malay Language in Online Media from the Perspective of Meaning Alterations

WAN ROBIAH HJ. MEOR OSMAN & CHONG SHIN

ABSTRAK

Bahasa masyarakat dunia kini sedang mengalami perubahan drastik hasil daripada kemajuan komunikasi berasaskan pengkomputeran. Antara contoh medium komunikasi baharu berkaitan teknologi internet adalah media-media sosial dalam talian seperti facebook, instagram, twitter, blog dan sebagainya. Media-media sosial ini telahpun menjadi medium interaksi utama masyarakat moden. Kajian ini tertumpu pada menganalisis kata-kata Melayu yang dikesan mengalami peluasan makna di laman Facebook. Makalah ini memilih tiga contoh kata sebagai sampel perbincangan, iaitu kafir, kunyit dan sibuk. Ketiga-tiga kata ini dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan dan trend penggunaannya telah disahkan dengan menggunakan Google Trends. Kerangka teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994) dijadikan panduan untuk mengenalpasti motif-motif seseorang pengguna media sosial memilih sesuatu kata sehingga tercetusnya makna-makna yang baharu. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga contoh kata Melayu ini mempunyai trend penggunaan yang tinggi di Facebook dan telah mengalami peluasan makna yang menyimpang dari makna asalnya, iaitu kafir > “orang yang tidak Islamik”, kunyit > “golongan gay”, dan sibuk > “tak habis-habis”. Ketiga-tiga kata ini juga didapati mengalami peluasan makna pada kadar yang drastik, iaitu berubah dalam masa yang singkat selepas menjadi tular melalui perkongsian maklumat dalam kalangan pengguna media sosial, dan seolah-olahnya terdapat tangan ghaib yang mendorong makna-makna baharu ini terbentuk serta diakui sejagat dalam kalangan pengguna media sosial. Kajian ini menyumbang kepada bidang perkamusan Melayu, terutamanya dari segi meningkat kesedaran bahawa peluasan dan perubahan makna kata Melayu berlaku secara drastik susulan daripada perkembangan teknologi media sosial dan sedang memberi cabaran kepada perkamusan Melayu konvensional.

Keywords: Tular; media sosial; motif; peluasan makna; teori Tangan Ghaib

ABSTRACT

With the advancement of digital technology, the world's languages are undergoing significant changes. Facebook, Instagram, Twitter, blogs, and other social media platforms are examples of today's communication mediums. These social media platforms are the main mode of communication in today's culture. The purpose of this research is to look at the meaning expansions of Malay words on Facebook. The study included three common Malay terms as examples: kafir, kunyit, and sibuk. These terms were chosen using the purposive sample approach, and Google Trends was used to validate the current usage trends. Keller's (1994) Invisible Hand theory was used to analyze this research. Keller proposes that specific motives of language users cause the emergence of a new meaning for a word. According to analysis, these three words are frequently used on Facebook, and their new meanings are diverged from their original meanings, namely kafir > “unislamic,” kunyit > “refers to gay,” and sibuk > “continuously do sth”. Following viralization in social media by Facebook users, the new meaning formation of these three selected words appears to have occurred drastically and altered in a short period of time. This phenomenon appears to be characterized by an invisible hand. Words having new meanings are eventually propagated, recognized, and widely utilized by social media users. This research contributes to Malay lexicography by promoting awareness of how the meanings of contemporary words have altered drastically as a result of the emergence of online social media, a phenomenon that presents a threat to traditional Malay lexicography.

Keywords: Varalization; social medias; motives, meaning expansion; invisible hand theory

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dengan peningkatan jumlah pengguna internet di dunia saban tahun telah menjadikan ruang siber sebagai sebuah komuniti alternatif. Komuniti ini menyertai ruang siber dengan berbagai tujuan seperti berkenalan, mencari informasi, berkongsi informasi, menyebarkan informasi dan sebagainya (Siti Ezaleila & Azizah Hamzah 2011). Menerusi statistik pada tahun 2021, terdapat 4.66 billion pengguna internet yang aktif di seluruh dunia (<https://www.statista.com>). Jumlah ini menyaksikan peningkatan hampir satu kali ganda berbanding dengan jumlah 2.7 bilion orang yang dilaporkan oleh Hudson et al pada tahun 2015. Dengan perkembangan teknologi pengkomputeran antarabangsa ini telah mewujudkan revolusi elektronik atau e-revolusi yang menyebabkan semua manusia dari seluruh pelosok dunia sentiasa dapat berkomunikasi dengan setiap individu di mana-mana sahaja mereka berada. Menurut Charles (2017), revolusi elektronik ini juga merupakan revolusi bahasa. Masyarakat sering mengatakan bahawa internet sebagai satu revolusi sosial dan sebenarnya ia juga merupakan revolusi bahasa kerana terdapatnya komunikasi manusia dalam rangkaian internet tersebut (David 2001). Tom (2013) pula mengatakan bahawa teknologi komunikasi dalam talian telah memacu kepada revolusi linguistik, misalnya dari segi penggunaan ungkapan-ungkapan mudah seperti *LOL* (*laugh out loud*), *OMG* (*Oh my God*) dan sebagainya. Selain wujud ungkapan bahasa yang bersifat *sophisticated layers of meaning* ini (lihat Tom 2013), penggunaan bahasa dalam talian turut mengakibatkan peluasan makna yang menyimpang dari pola perubahan bahasa konvensional. Dalam makalah ini, akan dianalisis fenomena pencetusan makna baru sesuatu kata apabila bahasa Melayu melebarkan fungsinya sebagai bahasa komunikasi dalam talian. Kajian ini dilakukan dengan dua objektif, iaitu mengemukakan dalil bahawa media-media sosial merupakan platform terbaru yang memacu perubahan bahasa secara drastik, dan membuktikan bahawa perubahan makna bahasa di alaf internet ini menyimpang dari proses evolusi bahasa yang konvensional. Makalah ini merupakan sebuah kajian linguistik komunikasi, iaitu bidang yang meneliti pilihan bahasa untuk tujuan berkomunikasi. Dalam sesebuah komunikasi dua hala, penutur perlu menggunakan bahasa mengikut konteks, budaya dan latar belakang sosial yang sesuai. Tanpa mengambil kira semua

faktor ini, kesalahan pilihan bahasa mungkin akan menyinggung pihak lawan bicara dan seterusnya menimbulkan isu-isu kesantunan berbahasa; lihat Sa'adiyah (2021). Susulan daripada media sosial semakin popular dewasa ini, terdapat kesepakatan dalam kalangan peneliti bahawa alaf teknologi digital ini telah mewujudkan variasi bahasa komunikasi dalam talian (*Online Communicative Language*). Bahasa ini merupakan bahasa inovatif dan berupaya mencapai komunikasi yang bermakna dalam talian. Bahasa komunikasi ini juga saling difahami dalam kalangan pengguna internet, bersifat dinamik dan bertalian erat dengan linguistik bahasa penuturnya (Fuzirah et al. 2017).

PERMASALAHAN KAJIAN

Daya tahan sesuatu bahasa bergantung kepada sifat kedinamikannya. Sesuatu bahasa jika hendak terelak daripada kepunahan, perlu berkembang sejajar dengan tuntutan zaman semasa. Perkembangan yang dimaksudkan di sini ialah keupayaan sesuatu bahasa untuk menyesuaikan, meminjam atau menyerap elemen-elemen baru dari persekitarannya dan disusuli dengan penggandaan fungsi penggunaannya. Perubahan ini lazimnya berlaku dalam keadaan yang alamiah. Meskipun adanya campur tangan daripada entiti seperti badan perancang bahasa untuk tujuan pembakuan, penstandarisasi dan sebagainya, bahasa didapati tetap berkembang secara alamiah seiring dengan corak dan kehendak sesebuah masyarakat. Isu utama yang dibincangkan dalam makalah ini ialah gejala peluasan makna yang dicetuskan oleh pengguna internet ataupun *netizen* (satu akronim dari kata inggeris *internet* dan *citizen*) di media-media sosial dalam talian. Perkembangan ini tidak patut dipandang remeh kerana teknologi komunikasi dalam talian mampu memberi pengaruh yang signifikan kepada sesuatu bahasa.

Dewasa ini, di media sosial terutamanya dalam ruangan komen *Facebook*, kita sering terjumpa dengan penggunaan kata hasil kreativiti pengguna, misalnya *cecuba*, *kekawan*, *pepagi*, *kekadang*, *jenjalan* dan sebagainya. Kata-kata gandaan separa yang masing-masing berasal dari kata ganda *cuba-cuba*, *kawan-kawan*, *kadang-kadang* dan *jalan-jalan* (lihat Junaini et al. 2017) ini amat umum digunakan dalam kalangan netizen. Kata-kata ini tiba-tiba menjadi popular dalam sekelip mata dan digunakan meluas melalui platform dalam talian. Seperti yang diketahui, pola perubahan makna sesuatu kata

secara konvensional melibatkan tempoh waktu yang lama. Sebagai contoh, kata *balairung* ‘tempat rakyat mengadap raja’ sudah lama wujud dalam bahasa Melayu klasik, apabila tiba di zaman moden, makna kata ini mengalami peluasan dengan merujuk kepada ‘tempat untuk orang ramai berkumpul’ (Nathesan 2016). Dari segi tempoh waktu, perubahan makna ke atas kata *balairung* didapati memakan masa yang lama. Ini berbeza dengan perubahan makna bahasa di zaman internet yang signifikan dengan meluas, cepat dan drastik.

Di Malaysia, perancangan bahasa dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Banyak kata dan istilah diciptakan untuk keperluan penggunaan semasa. Contohnya istilah-istilah berkenaan sains & teknologi terbaru dan sebagainya. Penghasilan istilah baru oleh badan tersebut berlaku secara institutional, terancang dan bertujuan. Dalam sosial masyarakat pula, perkembangan bahasa ditentukan oleh kreativiti penuturnya yang menginovasikan sesuatu kata dan ini berlaku secara alamiah. Aliran prosesnya ialah pengguna bahasa sengaja (dengan niat) memilih sesuatu kata, kemudian bentuk kata yang sedia ada dimanfaatkan untuk menerbitkan sesuatu struktur yang baharu. Struktur bahasa yang terlibat dalam perubahan merangkumi perubahan dari aspek fonologi, nahu, sintaksis, semantik dan sebagainya (Noresah et al. 2009). Di alaf internet, perubahan bahasa didapati menyimpang dari proses-proses yang konvensional. Gejala perubahan makna didapati berlaku secara pantas dan menjadi tular dengan secara tiba-tiba serta mendadak. Tiada sesiapa dapat menyekat perkembangan makna yang drastik di alaf ini dan tiada sesiapa pun dapat mengetahui siapa orang pertama yang mencetuskan perubahan makna. Setakat ini, belum ada satu kerangka yang menjelaskan proses perubahan dalam talian dan kesannya kepada linguistik bahasa Melayu. Terdapat tiga persoalan yang perlu dijawab, iaitu: (i) Adakah perubahan makna dalam talian berlaku dalam keadaan netizen sekadar memilih sesuatu kata secara rambang (atau sewenang-wenangnya), kemudian menularkan kata tersebut sehingga “diikut-pakai” oleh netizen lain? (ii) Adakah pilihan sesuatu kosa kata sebagai ungkapan berlaku secara berstruktur dengan didorong oleh motif-motif tertentu? Seterusnya, (iii) apakah kesan linguistik selepas kata-kata ini dipilih sebagai ungkapan dalam talian?

TINJAUAN PUSTAKA

Kajian Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim (2017) bertujuan melihat kekerapan penggunaan media sosial oleh kumpulan Badan Esekutif Mahasiswa (BEM) di Riau, Indonesia. Kajian ini menganalisis isu-isu dan jenis maklumat yang mempengaruhi terbentuknya gerakan sosial dalam kalangan mahasiswa. Kajian berbentuk kuantitatif ini meninjau 210 orang sampel yang terdiri daripada pemimpin pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat penggunaan media sosial yang tinggi (seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Twitter*, *Instagram* dan *Line*) oleh kumpulan BEM dalam membentuk gerakan sosial. Isu-isu yang paling mempengaruhi ahli Kumpulan BEM termasuklah akademik, politik, ekonomi, hukum, agama dan rasuah. Implikasi kajian menunjukkan media sosial amat berpengaruh dalam membentuk gerakan sosial.

Faradillah & Iza Sharina (2011) dalam tulisan mereka mengkaji penglibatan pengguna internet berinteraksi melalui media sosial seperti *Facebook*, *Blog*, *Twitter* dan *MySpace*. Kajian ini mengkaji implikasi penggunaan media sosial terhadap proses komunikasi dan interaksi serta kepuasan yang mempengaruhi keterlibatan dalam media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dengan berpanduan Teori Kegunaan dan Kepuasan dan pendekatan kuantitatif, kajian telah meninjau 101 orang mahasiswa/i peringkat Diploma Komunikasi di Kolej Universiti berkenaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tujuan penggunaan media sosial sangat signifikan dengan jenis kepuasan yang dikaji misalnya kepuasan untuk mengelakkan kesunyian, mencari hiburan dan maklumat, mengeratkan hubungan dan permainan dalam talian.

Siti Ezaleila Mustafa (2016) mengatakan bahawa laman jaringan sosial boleh meluaskan dan mendefinisikan pengertian sahabat, tetapi pada masa yang sama memudahkan penjagaan ikatan dalam kumpulan manusia yang lebih besar ini. Bertitik tolak daripada hujah ini, beliau telah melakukan kajian ke atas 400 orang responden daripada pelbagai latar belakang. Kajian mendapati bahawa hampir separuh daripada responden mengenali sahabat menerusi jaringan sosial, termasuk sahabat dari luar negara. Namun mereka membatasi persahabatan itu dalam talian sahaja. Kajian ini menunjukkan bahawa jaringan sosial dalam talian adalah alat dan tempat alternatif bagi berhubungan di era moden ini. Kajian ini juga menyentuh kesan negatif jaringan yang

dibina dalam talian, seperti menggunakan bahasa tidak senonoh, pengaruh buruk, gangguan seksual dan sebagainya.

Kajian Normah Mustaffa et al. (2013) tentang kebergantungan internet dan aktiviti dalam talian remaja di lembah Kelang mendapati bahawa internet sesungguhnya memainkan peranan dalam kehidupan harian para remaja. Seramai 200 remaja di sekitar Lembah Kelang yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun telah dikaji. Makalah ini meneliti kebergantungan remaja terhadap internet dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti remaja menghabiskan masa lebih daripada 6 jam untuk melayari internet. Tujuan penggunaan internet yang utama dikenal pasti ialah membaca berita dan bersembang. Antara media sosial yang digemari oleh remaja untuk berinteraksi ialah *Facebook* dan diikuti oleh *Twitter*, *Yahoo Messenger*, *Skype*, *MySpace* dan *Tagged*.

Kajian Nor Fazilah Noor Din (2016) mempunyai dua tujuan, iaitu menjelaskan makna baharu kata *payung* dalam kalangan pengguna bahasa Melayu melalui media sosial dan media cetak. Kajian ini memanfaatkan data daripada pangkalan data WebCorp yang berpandukan sumber di laman sosial seperti carian google, Facebook, blogspot dan lain-lain), di samping menggunakan pangkalan data korpus DBP. Kajian ini memanfaatkan kaedah analisis Semantik Kognitif dengan Model Kerangka Jaringan Radial, iaitu menganalisis makna teras dan makna pinggirannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa makna teras bagi kata *payung* ialah alat pelindung daripada hujan atau panas matahari dan alat kebesaran raja, manakala makna pinggirannya ialah sejenis tumbuhan. Daripada makna pinggirannya ini, wujud juga makna baharu yang lain iaitu (1) belanja; (2) tunjuk; (3) intai; dan (4) konsep pemasaran bersepadu. Makna baharu ini didapati menyimpang daripada makna asal di dalam kamus.

Kajian Alias (2018) mempunyai dua tujuan, iaitu menyenaraikan makna baharu leksikal *dedak* yang kian popular dalam kalangan pengguna bahasa Melayu dalam media sosial. Kajian ini juga menggunakan korpus data, kerangka teori dan corak analisis yang sama dengan Nor Fazilah Noor Din (2016). Dengan tertumpu kepada kosa kata lain, iaitu kata *dedak*, penulis ini menemukan bahawa leksikal *dedak* mempunyai satu makna teras iaitu “kulit padi yang menjadi serbuk apabila ditumbuk” dan dua makna pinggirannya iaitu *berdedak*, *mendedak*

yang membawa makna “bersesak-sesak, berapat-rapat”; makna pinggirannya kedua yang dijumpai ialah *mendedak* yang bermaksud “menaruh perasaan dendam atau sakit hati, berdendam”. Selain itu, kata *dedak* juga mempunyai tiga peluasan makna iaitu bermaksud “upah, wang dan rasuah”. Peluasan makna yang ketiga ini berlaku hasil daripada penggunaan bahasa dalam media sosial.

Dalam kajian Wan Robiah & Wan Sofiah (2021), teori Tangan Ghaib juga dimanfaatkan untuk menganalisis pola perubahan makna kata-kata dalam talian. Dalam hal ini, kajian mereka membahaskan kata “bawang”, “payung”, “beliau” dan “kayangan” yang lazim digunakan dalam media sosial di Malaysia. Fokus utama kajian mereka lebih kepada bidang perkamusan, iaitu menilai perubahan makna dengan membandingkan pola peluasan makna kata-kata dari tiga kamus Melayu yang dihasilkan pada tiga zaman yang berbeza, iaitu *A Malay-English Dictionary* oleh Wilkinson (1901), *Kamus Bahasa Melayu* oleh Windstedt (1960) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Hasil perbandingan mendapati bahawa sebelum zaman internet popular dalam masyarakat, perubahan makna berlaku secara evolusi manakala di era teknologi internet, terdapat gejala “revolusi” berlaku pada bahasa Melayu. Kajian ini sesungguhnya memberi input dan maklumat tambahan kepada pengkaji-pengkaji masa akan datang untuk mendalami isu pengaruh media-media dalam sosial terhadap bahasa Melayu.

Tinjauan terhadap beberapa kajian lepas di atas menunjukkan bahawa penggunaan media sosial adalah bersifat global. Media sosial dimanfaatkan untuk berbagai tujuan, baik aktiviti yang praktikal seperti urusan rasmi mahupun peribadi seperti berkenalan, membeli-belah, berinteraksi dan sebagainya. Dari segi kekerapan, kajian mendapati bahawa pengguna internet mengagihkan waktu yang banyak dalam sehari menggunakan media-media sosial. Media sosial yang sebagai platform baru untuk berinteraksi sudah tentu tidak dapat dipisahkan dari penggunaan bahasa. Penglibatan bahasa dalam platform baru ini bahkan mencetuskan satu pola baru dalam perubahan bahasa. Contoh kajian yang dilakukan oleh Nor Fazilah Noor Din (2016) dan Alias (2018) menunjukkan terdapat makna pinggirannya tambahan yang wujud apabila sesuatu kata digunakan di platform media sosial. Hal ini bermaksud bahawa platform media sosial telah memacukan kadar perubahan makna sesuatu kata dengan lebih mendedak dari proses yang

konvensional. Namun demikian, kedua-dua kajian ini tidak memberikan penerangan lanjut tentang proses perubahannya misalnya dari makna yang sedia ada ke sesuatu makna yang baru serta faktor-faktor yang menggerakkan sesuatu perubahan makna. Untuk melengkapi kekurangan ini, makalah ini menganalisis peluasan makna kata yang terjadi di media sosial dengan menggunakan teori Tangan Ghaib yang dipelopori oleh Keller (1994).

KERANGKA TEORI

Teori Tangan Ghaib atau *Invisible Hand Theory* yang diketengahkan oleh Keller (1994) mengambil ilham daripada teori ekonomi yang diutarakan oleh Adam Smith (1776). Beliau memperkenalkan teori ini dengan mengandaikan bahawa manusia ini dipimpin oleh ‘tangan ghaib’ (‘kuasa yang tidak kelihatan’) untuk mendapatkan faedah bagi diri mereka sendiri yang pada akhirnya keputusan yang dibuat atas kepentingan diri sendiri (peribadi) dengan secara tidak langsung tanpa dirancang telah memberikan kesan kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Seiring dengan teori ini, Keller (1994) menyedari bahawa perubahan bahasa penutur juga merupakan satu perubahan alamiah yang dilakukan oleh individu (dengan niat sengaja), namun hasil perubahan yang terjadi adalah di luar niat (kawalan) individu seperti pernyataan di bawah:


“Language change is the unintended result of intentional individual behavior. Individuals apply strategies or “maxims” when they use their language, such as “speak in such a way that you are communicatively successful” and “talk like the others talk”. Although most of these maxims lead to the creation of linguistic conventions, some maxims can — unintentionally — lead to change, such as “talk in such a way that you are noticed” and “talk in such a way that you do not spend superfluous energy”.

Bagi lebih mudah menjelaskan teori ini, Keller menggunakan keadaan lalulintas sebagai analogi. Menurut beliau, pergerakan lalulintas menjadi perlahan apabila pemandu di hadapan memperlambatkan kenderannya (atas faktor-faktor tertentu misalnya masalah kenderaan ataupun ada halangan di jalan dan sebagainya). Tindakan pemandu ini akan mengakibatkan kenderaan lain yang mengikutnya memperlambatkan kenderaan dan akhirnya menyebabkan lalulintas menjadi

perlahan. Menerusi contoh kesesakan aliran trafik yang diberikan telah mewujudkan konsep dalam Teori Tangan Ghaib hasil daripada fenomena yang kolektif. Situasi ini wujud melalui tindakan ramai, dan yang menghasilkan fenomena ini dicirikan daripada persamaan tindakan tertentu yang telah dilakukan, iaitu dalam situasi kesesakan aliran trafik kebanyakan pemandu akan berkecenderungan menekan brek lebih kuat berbanding sedikit kerana khuatir dengan keselamatan diri masing-masing tanpa menyedari tindakan mereka telah memberikan sumbangan kepada kesesakan lalu lintas yang entah dari mana puncanya. Tindakan kesemua pemandu ini telah memberikan kesan akibat tertentu dalam situasi ini ialah kesesakan lalu lintas yang teruk. Oleh itu, hasil daripada situasi kesesakan aliran trafik ini telah memberikan kesan akibat yang wujud tanpa niat daripada kesemua tindakan yang telah dilakukan oleh pemandu di jalan raya. Dalam bidang linguistik, tidak dinafikan bahawa terdapat teori linguistik lain, misalnya teori domain oleh Fishman (1972) ataupun kajian Saadiah (2015) yang mengaplikasikan konsep Platt (1977) berhubung dengan domain untuk membincangkan fenomena penggunaan dan perubahan bahasa. Namun demikian, dari segi konteks peluasan makna dalam media sosial, teori Keller (1994) lebih relevan diterapkan kerana peluasan makna yang dicetuskan di media sosial menyimpang dari kaedah kajian sosiolinguistik konvensional. Tambahan lagi, perubahan dan peluasan makna bahasa ini dilakukan secara maya, iaitu pengkaji tidak dapat mengesani sumber (netizen) yang mula-mula menciptakan makna baharu tersebut. Pengguna bahasa dalam talian hanya sebagai pelaku yang menyebarkan kata tersebut dan kemungkinan mereka sendiri pun tidak sedar bahawa kata-kata yang ditularkan ini bakal memberi pengaruh kepada bahasa Melayu. Justeru itu, sifat yang terdapat pada proses perubahan dan peluasan makna secara dalam talian ini sejajar dengan konsep sebuah tangan ghaib.

SKEMA TEORI TANGAN GHAIB

Dalam Teori Tangan Ghaib ini terdapat skema yang digunakan oleh Keller (1994) dalam memperjelaskan fenomena berbahasa masyarakat. Skema yang dimaksudkan ini ialah seperti dalam Rajah 1:



RAJAH 1. Skema Teori Tangan Ghaib
Sumber: Keller (1994)

Skema dalam teori ini dibahagikan kepada beberapa pecahan iaitu;

1. Keadaan Ekologikal (*Ecological Conditions*)

Keadaan ekologikal ialah suatu fenomena berbahasa pada peringkat mikro yang melibatkan individu sebagai pelaku kepada perubahan bahasa. Pada peringkat ini penutur sebagai pengguna bahasa yang mempunyai latar belakang sosial yang rencam menggunakan sesuatu kata itu mengikut keperluan komunikasi semasa serta mempunyai niat terhadap sesuatu kata yang diujarkan. Pada peringkat ini juga aspek linguistik dan bukan linguistik (sosial, budaya dan sebagainya) turut terlibat yang secara langsung mempengaruhi tingkah laku berkomunikasi individu.

2. Maksim Tindakan, *Maxims of actions (intentional actions)*

Maksim Tindakan merupakan suatu kecenderungan untuk bertindak mengikut cara tertentu atau sesuatu strategi perlakuan sama ada sedar atau tidak dalam fenomena perubahan bahasa. Maksim tindakan ini berfungsi sebagai pilihan terhadap sesuatu tindakan. Dalam erti kata lain, maksim ini bermaksud sebab musabab sesuatu tindakan yang dilakukan dalam mengubah sesuatu bahasa atau makna.

3. Proses Tangan Ghaib (*Invisible Hand Process*)

Proses tangan ghaib (*invisible hand process*) ialah suatu proses di luar kawalan manusia yang menerangkan tentang proses perubahan makna dalam sesuatu kata. Proses perubahan makna dalam sesuatu kata itu berlaku secara tanpa sedar menerusi masa. Kesesuaian pemerian makna terhadap sesuatu kata banyak dipengaruhi oleh ketepatan mesej yang ingin disampaikan oleh pengguna bahasa.

4. Pangkal Penjelasan (*Explanandum*)

Pangkal penjelasan ialah suatu pernyataan tentang kesan akibat sesuatu kata itu berubah makna (contohnya kehilangan sesuatu kata, peluasan dan perubahan makna dan sebagainya). Pada peringkat ini hasil yang wujud (kehilangan kata, peluasan dan perubahan makna) adalah daripada pelbagai tindakan oleh individu. Hal ini kerana pembinaan struktur linguistik dalam masyarakat melalui proses komunikasi secara kolektif atau secara bersama.

b. Kandungan Utama Teori Tangan Ghaib

Menurut Keller (1994), Teori Tangan Ghaib mengandungi tiga elemen berikut, iaitu:

1. Penerangan tentang motif, niat, sasaran seseorang.
2. Penerangan tentang proses yang menghuraikan tindakan individu tersebut.
3. Penerangan tentang struktur yang dihasilkan oleh tindakan tersebut.

Konsep di atas ini iaitu (i)-(iii) juga diterapkan dalam artikel Keller (2006:6) yang membincangkan tentang perubahan semantik kata. Keller mengatakan perubahan makna diterangkan atas 3 faktor berikut:

1. Motif pertuturan [(The *assumes*) motives of the speakers (e.g. wanting to avoid being misunderstood)].
2. Makna linguistik sesuatu motif [(The linguistics means for the realization of these motives)].
3. Kesannya pada linguistik [(The linguistics consequences (on the level of langue) that are the results of the speakers choice)].

METODOLOGI

Makalah ini memanfaatkan media sosial *Facebook* dan portal berita dalam talian sebagai sumber data utama. Media dalam talian ini dipilih kerana ia memaparkan latar kajian yang realistik dan bersifat semasa. Hal ini kerana, data kajian dapat diakses dengan mudah dan kaya dengan sumber interaksi masyarakat moden kini. Selain itu, sebagai sebuah kajian yang bersifat kualitatif, Creswell (2013) pernah mengatakan bahawa saiz sampel atau data dalam penyelidikan berbentuk kualitatif tidak memfokuskan kepada kuantiti tetapi matlamat utama data yang dipilih dan dianalisis dapat memberikan maklumat terperinci, mendalam dan bersifat khusus. Justeru itu, ketiga-tiga kata ini dipilih dengan kaedah pensampelan bertujuan. Kaedah ini ialah suatu prosedur persampelan iaitu subjek atau data yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai sumber data kajian berdasarkan matlamat penyelidikan. Sampel yang akan dipilih mempunyai matlamat yang khusus, iaitu untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia atau kumpulan data secara teliti dan bertujuan.

Oleh kerana keterbatasan ruang di jurnal, hanya tiga contoh kata yang dipilih, iaitu *kafir*, *kunyit* dan *sibuk*. Dari segi justifikasi, kata *kafir*, *kunyit* dan *sibuk* merupakan tiga kategori kata yang masing-masing mewakili tiga konsep asas perubahan makna bahasa yang utama, iaitu peluasan makna, pemindahan makna dan penyempitan makna. Kata *kafir* yang dianalisis menepati konsep peluasan makna pinggir daripada kata teras, iaitu sesebuah kata atau leksem yang pada mulanya hanya memiliki satu makna, tetapi kemudian mengembang menjadi makna-makna lain (Chaer 2007). Kata *kunyit* pula menyaksikan pemindahan makna, iaitu penggantian makna secara keseluruhan daripada maksud asal kata. Sementara kata *sibuk* didapati berlaku penyempitan makna dalam talian menjadi kata yang khususnya digunakan untuk menggambarkan sifat “tak habis-habis ataupun kecoh”.

Ketiga-tiga kata yang dipilih ini akan dinilai kadar penggunaan dan penularan dalam komuniti siber berdasarkan laporan daripada *Google Trends*. *Google Trends* ialah salah satu kemudahan carian umum di laman sesawang yang mula dilancarkan pada tahun 2006 oleh syarikat google dan

merupakan enjin carian yang popular untuk pelbagai perkara, khususnya pencarian tentang pelbagai bahasa di seluruh pelosok dunia. Atas alasan ini, maka pengkaji memanfaatkan *Google Trends* bagi mengesahkan populariti kata yang terpilih dan membuktikan bahawa kata tersebut adalah kata semasa yang masih aktif digunakan dalam talian. Dari segi tatacara, penulis akan membuat semakan ke atas makna asal kata-kata ini dengan menggunakan Kamus Dewan (2015). Kamus ini merupakan kamus umum bahasa Melayu yang paling autentik, yang menjadi rujukan utama pengguna bahasa Melayu di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya. Sementara makna-makna baru yang wujud hasil penggunaannya dalam talian akan diberi tafsiran dan analisis berdasarkan konteks penggunaannya dalam talian.

DATA ANALISIS


Bahagian ini menganalisis perubahan makna tiga contoh kata Melayu, iaitu *kafir*, *kunyit* dan *sibuk*. Dari segi struktur, ketiga-tiga kata ini akan dijelaskan ertinya dengan berdasarkan definisi dalam Kamus Dewan terlebih dahulu. Ini disusuli dengan pemaparan contoh penggunaannya di media dalam talian, iaitu *Facebook* dan portal Malaysiakini.com. Bagi menerangkan proses kewujudan makna baharu, data ini akan dianalisis berdasarkan Skema Teori Tangan Ghaib yang dikemukakan oleh Keller (1994).

DATA I: KATA “KAFIR”

Makna kata ini dalam Kamus Dewan (2007:654) membawa maksud seperti berikut:

kafir
Ar (orang yg) tidak percaya kpd Allah dan rasul-Nya, orang yg bukan Islam; ~ *Majusi* kafir yg menyembah api;

Dari segi penggunaan, keputusan carian di *Google Trends* menunjukkan bahawa kata ini aktif digunakan dalam talian untuk tempoh waktu 5 tahun ini, sama ada media-media sosial di media sosial ataupun di enjin pencarian di Google.



RAJAH 2. Kekerapan Penggunaan Kata Kafir dalam Talian Berdasarkan Google Trends

1. Contoh Penggunaan

Pengguna bahasa Melayu sebelum ini menggunakan kata *kafir* untuk merujuk kepada individu atau masyarakat bukan Islam yang maknanya selari

dengan pemerian dalam Kamus Dewan. Namun sejak kebelakangan ini, kata ini mulai digunakan dengan maksud yang lebih luas. Hal ini dapat dilihat menerusi contoh-contoh berikut:

JADUAL 1. Contoh Petikan Penggunaan Kata “kafir” di Facebook


Contoh	Ayat
1	<i>Kafir kafir kafir!</i> Budak 8 tahun dilabel <i>kafir</i> oleh rakan sekelas sebab tidak bertudung. (sumber: https://www.facebook.com/search/str/kafir)
2	Ulama Parti A hanya menerangkan tentang batas-batas iman dan kufur. Parti B terasa dan terus menuduh Parti A <i>mengkafirkan</i> Parti B. (sumber: https://www.facebook.com/sayasayangtunm)
3	Mereka cepat jatuh hukum <i>kafir</i> dengan orang Parti A, siap solat imam orang Parti A tak sah. Bagaimana pula dengan Melayu Parti B ni? (sumber: https://www.facebook.com/sayasayangtunm)
4	Apabila ahli agama yang digelar ulamak saling <i>kafir mengkafir</i> . (sumber: https://www.facebook.com/nikaziz/)

Contoh 1 menunjukkan kata *kafir* dijadikan sebagai bahan ejekan oleh pelajar sekolah, khasnya mengejek rakan sekelas kerana tidak menutup aurat (iaitu memakai tudung). Contoh 2 dan 3 ialah tentang parti politik A mendakwa parti politik persaingannya tidak cukup Islamik jika dibandingkan dengan parti mereka. Contoh 4 pula ialah pendapat individu

yang prejudis tentang sikap seseorang. Secara keseluruhannya, maksud yang digambarkan dalam senario-senario di atas bersifat menyindir atau mengejek “orang lain tidak mempraktikkan ajaran Islam dan tidak mempunyai sikap atau imej yang Islamik”. Proses peluasan makna adalah seperti berikut:

2. Proses Tangan Ghaib

Skema teori Tangan Ghaib untuk kata *kafir* adalah seperti Rajah 3 berikut:



RAJAH 3. Skema Teori Tangan Ghaib bagi Kata *Kafir*

Perubahan makna kata *kafir* dapat diperincikan dengan mengaitkan tiga elemen utama dalam Teori Tangan Ghaib iaitu:

1. Motif Pertuturan

Motif pertuturan ini berkaitan dengan niat atau tujuan pengguna bahasa. Kata *kafir* dipilih untuk tujuan menyindir, terutamanya kepada individu/golongan yang sama agama.


2. Makna linguistik tentang motif

Kata kafir yang ditakrifkan sebagai “orang yang tidak percaya kepada Allah dan rasul-Nya, orang yang bukan Islam dan kafir yang menyembah api” mengalami peluasan makna atas motif yang berunsur sindiran.

3. Kesannya pada linguistik

Kesannya, kata ini popular digunakan di media sosial dan menggantikan makna literal *kafir* yang asal.

Gambaran ketiga-tiga elemen utama dalam Teori Tangan Ghaib dapat diterangkan dalam Rajah 4 di bawah:



RAJAH 3. Peluasan Makna untuk Kata *Kafir*

Berdasarkan analisis, makna tambahan untuk kata *kafir* adalah “orang Islam yang tidak mempraktikkan ajaran Islam dan tidak mempunyai sikap atau imej Islamik”. Dalam erti kata lain,


makna teras *kafir* masih merujuk kepada orang bukan muslim dan definisi ini jelas dimuatkan dalam Kamus Dewan. Namun, atas dorong konteks politik semasa, kata ini mengalami peluasan makna.

DATA II: KATA “KUNYIT”

Masyarakat umum sebelum ini menggunakan kata *kunyit* hanya merujuk kepada bahan makanan atau pencelup sahaja. Definisi Kamus Dewan (2007) pada kata *kunyit* adalah seperti berikut:

Kunyit
sejenis tumbuhan yang isi atau rizomnya dijadikan bahan pencelup dan rempah” atau maksud kedua iaitu “sejenis burung”

Berdasarkan semakan ke atas *Google Trends*, kata *kunyit* kata kerap digunakan dalam talian dengan pemindahan makna dari sejenis tanaman kepada makna baharu dalam talian yang berkonotasi dengan golongan gay. Pola penggunaan kata ini dalam *Google Trends* lima tahun kebelakangan ini (2016-2021) menunjukkan kata ini aktif digunakan dalam berbagai sumber media dalam talian (Rajah 4).



RAJAH 4. Kekerapan Penggunaan Kata Kafir dalam Talian Berdasarkan Google Trends

1. Contoh Penggunaan

Berikut dipaparkan beberapa contoh ayat yang berkaitan dengan penggunaan *kunyit* di laman Facebook:

JADUAL 2. Penggunaan kata *kunyit* di Facebook


Contoh	Ayat
1	Apabila cinta tak dibalas oleh <i>kunyit</i> , aku kena bodoh, aku faham dik kau nak cari kebahagiaan yang hakiki. (Sumber: https://www.facebook/search/str/Mat+Kunyit/stories.keyword/stories)
2	Seorang <i>mat kunyit</i> tua mengamuk di dalam tren apabila pelawaan <i>mengunyitnye</i> ditolak dan pasangan <i>kunyitnye</i> bersama wanita lain...donia..donia. (Sumber: https://www.facebook/search/str/Mat+Kunyit/stories.keyword/stories)
3	Admin syak budak nie mesti geng spisis <i>mat kunyit</i> sebab selalunya <i>geng-geng mat kunyit</i> dan mat majerin je yang selalu buat video jenis mcm nie... (Sumber: https://www.facebook/search/str/Mat+Kunyit/stories.keyword/stories)
4	Kaki aku memang panjang. <i>Geng mat kunyit</i> suka yang jenis kaki panjang tak? (Sumber: https://www.facebook/search/str/Mat+Kunyit/stories.keyword/stories)

Berdasarkan contoh di Jadual 2, kata *kunyit* pada asalnya ditakrifkan sebagai “sejenis tumbuhan atau rizomnya dijadikan bahan pencelup dan rempah” atau “sejenis burung”. Kata ini telah mengalami pemindahan makna dengan merujuk kepada lelaki yang berhubungan sejenis. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehadiran frasa “mat kunyit” atau “geng mat kunyit”. Dalam Kamus Dewan (2007), “mat” didefinisi sebagai “kata panggilan awal untuk lelaki yang digunakan bersama-sama dengan kata

panggilan lain sebagai contoh mat gian, mat jenin, dan Mat Salleh”. Oleh hal demikian, “mat kunyit” atau “geng mat kunyit” boleh ditakrifkan sebagai lelaki yang mengamalkan homoseksual. Menurut komunikasi peribadi dengan pakar sociolinguistik, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Teo Kok Seong, kata *kunyit* dikonotasikan dengan warna kotoran ketika berhomoseksual. Proses pemindahan makna bagi kata ini adalah:

2. Proses Tangan Ghaib

Skema teori Tangan Ghaib untuk kata *kunyit* adalah seperti berikut:




RAJAH 5. Skema Teori Tangan Ghaib bagi Kata *Kunyit*.

Daripada Rajah 5, dapat dirumuskan bahawa kata *kunyit* telah mengalami pemindahan makna. Perubahan makna ini disebabkan oleh maksim tindakan yang bertujuan menyindir pihak tertentu kerana melakukan aktiviti yang menyimpang dari amalan kehidupan normal. Perbuatan berkias atau menyindir secara halus ini merupakan satu strategi kesantunan berbahasa masyarakat timur zaman-berzaman. Amalan kesantunan berbahasa ini dijemakan ke dalam konteks penggunaan dalam talian. Ini menyebabkan kata *kunyit* menjadi tular dan kini digunakan untuk merujuk kepada amalan yang tidak bermoral ini.

Melalui perubahan makna yang dikenalpasti dalam kata *kunyit*, dapatlah diuraikan secara lebih mendalam dengan mengaitkan tiga elemen utama dalam Teori Tangan Ghaib iaitu tentang motif pertuturan, makna linguistik tentang motif dan kesannya pada linguistik.

1. **Motif Pertuturan**
Netizen menggunakan kata ini sebagai gelaran untuk golongan gay yang cenderung melakukan hubungan seks luar tabii.
2. **Makna linguistik tentang motif**
Konsep warna kuning dalam *kunyit* digunakan untuk merujuk kepada cairan kotor yang dihasilkan ketika hubungan seks di luar tabii.
3. **Kesannya pada linguistik**
Dalam bahasa komunikasi dalam talian, kata *kunyit* mengalami pemindahan makna menjadi kata yang khusus untuk golongan homoseksual.


RAJAH 6. Peluasan Makna untuk Kata *Kunyit*

DATA III: KATA “SIBUK”

Dalam Kamus Dewan (2007) kata adjektif *sibuk* mengandungi tiga polisemi dalam definisinya, iaitu:

Sibuk
banyak yg dilakukan atau diurus, asyik mengerjakan sesuatu, giat dan rajin. 2. Banyak kenderaan lalu-lalang (bkn jalan raya), banyak kapal (kapal terbang) keluar masuk (mendarat dan berlepas) (bkn pelabuhan, lapangan terbang. 3. Suka mengambil tahu (mencampuri, mengganggu) hal (urusan) orang lain.

Penilaian ke atas populariti kata ini dalam talian dengan menggunakan *Google Trends* menunjukkan bahawa kata ini mempunyai penggunaan yang berterusan selama 5 tahun dalam berbagai sumber dalam talian.

RAJAH 7. Kekerapan Penggunaan Kata *Sibuk* dalam Talian Berdasarkan Google Trends

1. Contoh Penggunaan

Pemerhatian terhadap penggunaan kata *sibuk* dalam talian mendapati bahawa entri ini mengandungi


satu polisemi yang baharu. Berikut adalah contoh-contoh penggunaan yang mengungkapkan maksud baharu tersebut:

JADUAL 3. Contoh penggunaan kata *sibuk* dalam talian

Contoh	Ayat
1	Waktu rehat dibawa ke bilik VIP berhawa dingin untuk makan dan minum dan duduk semula selepas separuh masa kedua, dah 15 minit mula sibuk bersembang “hal negara”. (Sumber: https://www.malaysiakini.com/sukan393435)
2	Daripada sibuk bercerita mengenai sistem ‘e-pooling’ yang memerlukan persediaan yang lebih mencabar, lebih baik A dan B untuk membetulkan dahulu sistem pilihan raya yang dilihat sebagai masalah besar. (Sumber: https://www.malaysiakini.com/letters/394268/)
3	Sebelum ini kita sibuk menyalahkan pihak guru tentang statistik ini, adalah wajar jika kita dapat meneliti implementasi sistem KBAT ini. (Sumber: https://www.malaysiakini.com/news/401439)
4	Baru kalah tiga empat perlawanan dah sibuk suruh letak jawatan. Takut tak sempat nak laksanakan pelan yang dia dah reka, sibuk suruh berhenti. (Sumber: https://www.malaysiakini.com/sukan/404774)

Contoh (1), (2), (3) dan (4), makna frasa *sibuk bersembang*, *sibuk bercerita*, *sibuk menyalahkan* dan *sibuk suruh* mengalami penyempitan makna, dengan merujuk kepada makna ‘tak habis-habis atau kecoh’. Dalam hal ini, faktor ekologi iaitu situasi berbahasa telah menyumbang kepada penyempitan

makna kata ini. Dari segi maksim tindakan, keempat-empat contoh ayat ini menyatakan tindakan netizen bersungut tentang tindakan seseorang yang asyik melakukan sesuatu tindakan. Proses penyempitan makna dalam media sosial yang dikenali dapat digambarkan dengan skema berikut (Rajah 8):

RAJAH 8. Skema Teori Tangan Ghaib bagi Kata *Sibuk*

Perubahan makna yang berlaku pada kata *sibuk* dapat diuraikan secara lebih mendalam melalui tiga elemen utama dalam Teori Tangan Ghaib iaitu:

1. Motif Pertuturan


Motif netizen memilih kata ini ialah bersungut tentang tindakan berterusan seseorang.

2. Makna linguistik tentang motif

Kata *sibuk* mengalami penyempitan makna dengan merujuk kepada “tak habis-habis” atau ‘kecoh’.

3. Kesannya pada linguistik

Kesannya kata yang dengan maksud baharu ini lebih lazim digunakan daripada maksud yang asal.

RAJAH 9. Peluasan Makna untuk Kata *Sibuk*

PERBINCANGAN

Daripada tiga contoh kata yang dibincangkan, faktor pemilihan sesebuah kosa kata oleh netizen didorong oleh motif tertentu. Para netizen didapati berdaya inovatif dan kreatif dalam memanipulasi sesuatu kata untuk mengungkapkan sesuatu makna. Contohnya untuk tujuan menyindir di Data I; membuat konotasi di Data II; dan, menggambarkan perasaan bersungut di Data III. Dengan berdasarkan motif-motif, netizen akan memilih kata-kata yang relevan sebagai ungkapan. Analisis mendapati bahawa kata-kata yang dipilih ini masih menunjukkan pertalian semantik dengan makna asal. Justeru kerana alam maya menularkan sesuatu maklumat dengan pantas, maka perubahan ini akan cepat ditularkan dari netizen ke netizen. Pada hakikatnya, kita sukar hendak menjejaki siapa yang pertama mencetuskan perubahan makna kata dalam talian dan juga tidak ketahui mengapa netizen boleh menerima makna baharu tersebut. Kita cuma ketahui bahawa punca perubahan makna didorong oleh motif penggunaan para netizen. Sehubungan dengan itu, proses perubahan makna bahasa dalam talian dapat dianalogi sebagai terdapat sepasang tangan ghaib yang menggerakkannya. Proses tangan ghaib bermula sejurus selepas kata yang diperluaskan makna dipaparkan di media dalam talian. Netizen-netizen lain yang menggunakannya seolah-oleh mengiktiraf bentuk baharu tersebut. Tindakan mereka seperti mengguna ulang dan menularkannya kepada pembaca lain telah menghasilkan rantaian yang *multiple* dan akhirnya makna baharu tersebut menjadi popular dan diterima umum oleh netizen.

Sesungguhnya, media-media sosial, portal-portal berita dalam talian, laman sesawang dan sebagainya merupakan platform yang menularkan informasi secara pantas. Ini jelas berbeza dengan platform konvensional yang sedia ada. Justeru itu, penggunaan bahasa Melayu sebagai wadah komunikasi dalam talian memberi cabaran kepada bidang perkamusan Melayu. Menurut Wan Robiah (2020), bahasa Melayu sedang mengalami proses revolusi, iaitu perubahan bahasa yang drastik susulan daripada perkembangan media sosial dalam talian. Dalam hal ini, sesuatu kosa kata baharu boleh diwujudkan pada bila-bila masa berdasarkan intuisi netizen. Kata ini kemudian akan menjadi kata popular dan saling difahami di alam maya, meskipun bukan sesuatu kata yang baku. Contohnya penggunaan *cer* didapati telah menggantikan kata 'cuba' oleh kebanyakan netizen ketika memberi komen-komen dalam talian. Dengan ringkas, baik kewujudan kosa kata baharu ataupun pencetusan perubahan makna dalam talian telah memberi persaingan kepada usaha pembakuan bahasa Melayu dan peristilahan. Oleh kerana peluasan makna agak ketara dalam talian, gejala ini juga memberi impak kepada perkamusan Melayu. Kemungkinan dalam edisi Kamus Dewan yang akan datang ataupun Kamus Dewan Perdana yang dilancarkan pada 1 November 2022 baru-baru ini, penyusun Kamus Dewan perlu merevisi semula definisi-definisi yang sedia ada dan menambahkan definisi yang dicetuskan oleh "tangan ghaib" dalam talian.

Perkembangan media-media dalam talian dijangka merombak kaedah perkamusan Melayu yang konvensional. Dalam tradisi pembikinan sesebuah kamus, sumber entri diperoleh dari maklumat lapangan ataupun sesebuah masyarakat nyata. Sebagai contoh, ketika Wilkinson menyusun Kamus Melayu tersohor, *A Malay-English Dictionary*, beliau mencungkil data bahasa dari berbagai sumber. Sebagai contoh, beliau merujuk hikayat-hikayat Melayu untuk mendapatkan kata-kata Melayu Klasik, menemubual tukang-tukang untuk mendapatkan istilah peralatan, berkonsultasi dengan pakar dari *Raffles Museum* di Singapore untuk mendapatkan istilah-istilah berkaitan dengan flora dan fauna dalam bahasa Melayu dan sebagainya. Pada zaman tersebut, teks sains dalam bahasa Melayu belum ada. Maka, beliau terpaksa memperelajari istilah teknikal melalui wawancara dengan pakar bidang itu sendiri, iaitu nelayan untuk perikanan, tukang kayu untuk senibina, bomoh untuk perubatan dan kepercayaan dan sebagainya (Collins 2002). Kini, terdapat lambakan maklumat dalam talian yang boleh dijadikan panduan untuk perkamusan. Jika dulu data penggunaan sesuatu kata dalam masyarakat perlu diperoleh dari lapangan, kini data tersebut dapat dicungkil dengan mudahnya dari komunikasi dalam talian—komunikasi yang dijelmakan langsung dari interaksi nyata. Sesungguhnya, pola permodenan ini tidak wajar diabaikan dalam perkamusan. Tradisi perkamusan konvensional perlu bergerak seiring dengan perkembangan semasa kerana senario terkini menyaksikan netizen amat berpengaruh dalam menentukan hala tuju perkembangan bahasa Melayu. Justeru itu, sumber maklumat dalam talian penting dipertimbangkan dalam bidang perkamusan kontemporari.

Analisis dan huraian dalam makalah ini telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mengalami perubahan apabila bahasa ini bergerak maju sejajar dengan teknologi siber global. Mengenai persoalan apakah fenomena ini akan mengancam keaslian bahasa Melayu pada masa akan datang, sesungguhnya sukar untuk diramalkan kerana belum pasti sejauh manakah daya tahan sesuatu makna baharu itu. Sebagai contoh, kata *bohsia* agak popular digunakan pada zaman 90-an, namun kini kata ini didapati sangat kurang didengari lagi. Hasil perubahan makna yang dianalisis ini dapat memaklumkan kepada badan perancang bahasa

bahawa bahasa Melayu kini berdepan “revolusi” bahasa dan bidang perkamusan Melayu perlu peka tentang ketangkasan perubahan tersebut. Tanpa kesedaran ini, kemungkinan besar banyak definisi dalam Kamus Dewan akan menjadi tidak terkini. Di samping itu, kajian ini telah mengesahkan bahawa Teori Tangan Ghaib sebagai pendekatan yang relevan untuk menjelaskan gejala perubahan bahasa dalam talian. Tiga elemen dalam teori ini, iaitu motif pertuturan, makna linguistik sesuatu motif dan kesan pada linguistik amat membantu seseorang pembikin kamus dalam usaha menerangkan perubahan makna dalam talian yang pantas dan drastik. Pembikin kamus boleh mencontohi tatacara analisis ini untuk menerangkan perubahan sesuatu makna dalam bahasa Melayu secara berstruktur.

KESIMPULAN

Di era perkembangan internet dan media sosial yang pesat ini, banyak corak kehidupan konvensional telah menerima impak yang ketara. Jika dulu identiti kita hanyalah seorang *citizen* (warganegara), tetapi kini mempunyai “dwi-warga”, iaitu selain sebagai seorang *citizen*, juga merupakan seorang *netizen*. Identiti warga internet ini tidak akan dibayangkan pada 20, 30 tahun yang lalu. Sesungguhnya, perkembangan teknologi dalam talian memberi kesan yang dapat diramalkan dan tidak dapat diramalkan. Perubahan bahasa yang pantas, mendadak hasil perkembangan media sosial merupakan contoh kesan yang tidak dapat diramalkan. Sebelum adanya media sosial, tiada siapa boleh menyangka bahawa kata *kunyit* berkorelasi dengan golongan homoseksual. Begitu juga dengan makna kata *kafir*, *sibuk* dan banyak kata lain lagi yang tidak sempat dibincangkan dalam makalah ini, misalnya *meroyan*, *payung*, *dedak*, *kisah* dan sebagainya. Juga, sebelum ini tiada sesiapa dapat menjangka bahawa media sosial boleh memainkan peranan dalam perkembangan bahasa Melayu—dari segi kreativiti netizen menambah fungsi makna sesuatu kata. Akhir sekali, tiada siapa dapat menjangka bahawa teori Tangan Ghaib yang diutarakan oleh Keller (1994) pada zaman Internet baru berkembang sesuai untuk menerangkan fenomena peluasan makna atau gejala “revolusi bahasa” di era rangkaian internet 5G (piawai teknologi generasi kelima untuk rangkaian selular jalur lebar).

RUJUKAN

- Alias, I. 2018. Peluasan makna kata *dedak*: Satu analisis semantik kognitif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3(10): 28-39.
- Chaer, A. 2007. *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Charles, H. 2017. Language: The most disruptive technology. <https://www.hoover.org/research/language-most-disruptive-technology> Retrieved on: 26 March 2018.
- Creswell, J. W. 2013. *Qualitative Inquiry & Research Design Choosing Among Five Approaches*. Los Angeles: SAGE Publication Inc.
- David, C. 2001. The language revolution: From reluctance to renaissance <https://www.davidcrystal.com/?field=-4131> (accessed 26 March 2018).
- Faradillah Iqmar Omar & Iza Sharina Sallehuddin. 2011. Media sosial: Kajian tentang penglibatan dan kepuasan dalam kalangan mahasiswa. Kertas kerja dalam Proceeding of the International Conference on Media And Communication (MENTION2011) 11– 12 October.
- Fishman, J. A. 1972. Domains and the relationship between micro- and macrosociolinguistics. Dlm. *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, disunting oleh John J. Gumperz & Dell Hymes, 435-453. New York: Basil Blackwell Ltd.
- Fuzirah Hashim, Ahmad Aminuddin Soopar & Bahiyah Abdul Hamid. 2021. Linguistic features of Malaysian students' online communicative language in an academic setting: The case of Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika* 87(1): 231-242
- Junaini Kasdan, Harsita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa & Zuhairah Idrus. 2017. Gandaan separa dalam terminologi Melayu: Analisis Siositerminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17(1): 183-202.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keller, R. 1994. *On language change: The Invisible Hand in Language*. London and New York: Routledge.
- Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim. 2017. Penggunaan media sosial dan faktor-faktor yang mempengaruhi terbentuknya Gerakan Sosial oleh pemimpin pelajar universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Jurnal e-Bangi* 12(2): 87-101.
- Nathesan, S. 2008. *Makna dalam Bahasa Melayu (edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Fazilah Noor Din. 2016. Peluasan makna *payung* dalam kalangan pengguna bahasa Melayu berdasarkan analisis Semantik Kognitif. Proceeding of International Seminar on Generation Knowledge through Research (ICECRS), hlmn. 779-810.
- Noresah Baharom et al. 2009. *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd. Helmi Abd. Rahim. 2013. Kebergantungan internet dan aktiviti Online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi* 29(1): 199-212.
- Platt, J. T. 1977. A model for polyglossia and multilingualism (with special reference to Singapore and Malaysia). *Language in Society* 6: 361-378
- Sa'adiyah, M. 2015. Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 231-246
- Sa'adiyah, I. 2021. Kesantunan linguistik pada komunikasi melalui pesan whatsapp saat bekerja dari rumah selama pandemik covid-19. Seminar nasional bahasa dan sastra indonesia unpam vol 1. No. 2, hlm 62-73.
- Siti Ezaleila Mustafa. 2016. Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi* 32(2): 65-81.
- Tom, C. 2013. OMG—it's the textual revolution for language. <https://www.newscientist.com/article/dn25742-omg-its-the-textual-revolution-for-language/> Retrieved on: 19 March 2018.
- Wan Robiah Hj. Meor Osman. 2020. Pengaruh media sosial terhadap perluasan dan inovasi makna kata Melayu. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Robiah Hj. Meor Osman & Chong Shin. 2019. Fenomena evolusi dan revolusi makna perkataan Melayu: Tinjauan awal. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3(2): 195-210.
- Wan Robiah Hj. Meor Osman & Wan Sofiah Hj. Meor Osman. 2021. Dinamik bahasa media dalam talian: Sumbangan terhadap perkamusan Melayu di Malaysia. *Issues in Language Studies* 10(1): 37-51.
- Wan Robiah Hj. Meor Osman
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan
Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu)
FSSK, UKM.
Email: mowrobiah@ukm.edu.my
- Chong Shin
Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor,
Malaysia
Email: chongshin@ukm.edu.my